

NEGARA ISLAM

“HANYA UMAT YANG BAIK YANG BERHAK DIPAGARI BAHAGIA”

(Oleh Mubaligh)

Bila kita perhatikan ayat-ayat yang terkandung dalam surah Sabā', ayat kesepuluh sehingga ayat kedua puluh satu, kita dapat menarik kesimpulannya, dan dapat beristinbat daripadanya, bahawa segala nikmat dan anugerah yang Tuhan berikan kepada tiap-tiap umat, wajib dipelihara dan dipertahankan, dengan jalan mengertikan erti syukur bukan dengan kata-kata sahaja, tetapi dengan bakti dan bukti yang nyata.

Dalam ayat tersebut Allah memperingatkan kita, bahawa Nabi Daud alaihi salam telah diberikan anugerah yang sangat besar, ia dapat melembutkan besi, membuat alat-alat perkakas daripadanya, untuk mengamankan negeri dan umatnya, sehingga gunung-gunung yang besar dan burung-burung dapat merasakan hasil usaha Nabi Daud tadi; Akan tetapi kekuasaan, kekayaan dan kekuatan itu adalah ujian, sebab bila lengah yang berkuasa ia dapat diperalat oleh syaitan, dan dapat diperkuda oleh hawa nafsu mandiri, kerananya pada akhir ayat itu diperingatkan dengan firman maksudnya: “Wahai keluarga Daud, kerjakanlah amal soleh, sesungguhnya kami mengetahui dan melihat apa yang kamu kerjakan.”

Anugerah Allah Subhānahu wa Ta'ālā dan rahmat-Nya, dan segala kenikmatan yang dianugerahkan kepada keluarga Daud itu, akan tetapi kekal dan abadi bila mereka gunakan segala tenaga, kekuatan harta dan fikiran itu untuk amal soleh.

Dan setelah menerangkan anugerah yang diberikan kepada keluarga Daud alaihi salam maka Allah Subhānahu wa Ta'ālā menjelaskan bahawa nikmat akan beralih niqmat bila umatnya berpaling dari anjuran agama. Lalu diterangkan riwayat Nabi Sulaymān yang negaranya makmur, di darat dan di laut, hubungan dari satu daerah ke lain daerah sangat mudah yang dapat ditempuh dengan lain-lain kapal satu bulan, maka jarak yang sejauh itu dapat ditempuh dengan kapal Nabi Sulaiman hanya dala satu hari saja, dan rakyatnya giat bekerja, dapat membuat alat yang diperlukan umum, maka segala keperluannya dpaat dipenuhi, akan tetapi hal yang seperti itu tidak jadi suatu jamin bagi anugerah, kekuasaan dan kekuatan akan tetap ada, tetapi itu semua tergantung kepada ketaatan dan kepatuhan penduduk negeri itu kepada pemberi anugerah, iaitu Allah Subhānahu wa Ta'ālā.

Pada akhir ayat yang mengenai Nabi Sulaymān, diakhiri dengan firman-Nya maksudnya: “Dan barangsiapa yang berpaling dari perintah kami, kami akan rasakan kepada mereka seksa neraka”. Dan pada ayat yang seterusnya dinasihatkan “Wahai keluarga Dāwud” kerjalah sambil bersyukur, dan sedikit jumlah dari hamba kami yang bersyukur”.

Yakni: Wahai keluarga Daud berjuanglah den perlindunglah umat dengan penuh rasa sayang dan cinta.

Adapun yang ketiga yang melukiskan kemungkinan beralihannya, kemakmuran jadi kehancuran, dan nikmat jadi niqmat, ialah cerita negeri Sabā'. Iaitu suatu kota di Yaman, kira-kira satu hari jaraknya dari Šāna'ā', ialah sebuah negeri yang sangat subur dan makmur, rakyatnya tidak mengenal apa erti kelaparan. Sebab negeri itu dikelilingi dari kanan dan kiri dengan kebun yang sanggup memenuhi segala hajat dan keperluan rakyatnya: Satu negeri yang sangat aman, dari satu daerah ke lain daerah jaraknya tidak berjauhan, sehingga jadi jaminan akan keamanan dalam perjalanan, dan dalam ayat itu difirmankan:

Maksudnya "berjalanlah beberapa malam dan hari "aminin".

- Sedangkan kamu tetap ada dalam aman".

Negeri itu bukan ciptaan mereka, bukan semata-mata hasil keringat mereka, tetapi adalah anugerah dari Allah, sebab kalau dibandingkan antara pengorbanan yang dikorbankan dengan perjuangan yang dilakukan sungguh sangat tidak sepadan, itu semua tidak akan tercapai jika tidak dengan pertolongan Tuhan.

Berhubung dengan negara yang begitu sifatnya, maka Allah memberikan gelaran atau sifat "*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafūr*".

Adapun maksudnya ialah: Makanlah rezeki dari pelindung kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. Ini adalah negara yang *tayyibah*, yang subur dan aman serta makmur: Adapun pelindung dan pengurus kamu ialah Tuhan Yang Maha Pengampun bagi orang yang suka bersyukur kepadaNya.

Ibnu Abbas mensifatkan "*baldatun tayyibatun*" yang tersebut ialah negara Sabā', seperti agak berlebih-lebihan, akan tetapi walaupun begitu kita dapat mengukur bagaimana keamanan, kesihatan, kemakmuran negara itu, antara lain ia terangkan: "Sabā' adalah satu negeri yang paling subur, padanya tidak ada lalat nyamuk dan ular, dan kalau ada tamu yang lalu ke negeri itu maka kutu (yang dirambutnya) segera mati disebabkan keharuman udaranya.

Akan tetapi hanya "*ummatun tayyibatun*" yang berhak tetap ada

di *baldatun tayyibatun*; Meski setelah penduduk negeri itu berpaling dari ajaran agama, berkecimpung dalam nikmat Allah sambil lupa bahkan dehaka kepada Allah yang memberinya, dan segala kenikmatan yang ia terima dari Tuhan itu, dijadikan model dan bahan untuk derhaka kepadaNya.

Negeri "Sabā'" tidak dapat dilupakan oleh sejarah.

Kalau peralihan dari nikmat menjadi niqmat tidak hebat dari dan dahsyat, tentu tidak akan masyhur dan menjadi suatu perhias yang hidup, kerananya kita dapat mengatakan bahawa kesuburan negeri itu yang terkenal dengan *baldatun tayyibatun* itu sanggup tidak ada dibandingkan pada masa itu, akan tetapi setelah mereka berpaling dari ajaran dan seruan agama Allah Subhānahu wa Ta'ālā hancurkan negeri itu, sehingga beralih mebunnya menjadi hutan yang tidak ada padanya buah-buahan dan makannya yang lazat, dan orang-orangnya terpaksa pindah ke lain negeri yang dijajah oleh lain-lain kerajaan yang berkuasa pada masa itu, iaitu Rom dan Parsi, hilang kemerdekaannya, mereka menjadi hamba sahaja bagi lain bangsa dirantau orang.

Berdasarkan keterangan tersebut, maka nyata bahawa *baldatun tayyibatun* adalah anugerah (kurnia) Tuhan, dan negara kita juga termasuk *baldatun tayyibatun* yakni negaranya sudah ada dan jalan untuk meraskaan duduk dalam *baldatun tayyibatun* (negara bahagia) itu mestu umatnya dididik supaya menjadi "*ummatun tayyibatun*" (orang yang baik).

Yang sudah diberi anugerah "*baldatun tayyibatun*" Tuhan cabut kembali sebab akhlak, amal ibadatnya buruk, maka sungguh jauh bagi yang belum merasa diri *tayyibatun*, untuk sampai ke sana bila ia tidak jadi *ummatun thoyyibatun*.

Kerananya maka tidak salah, sabagai iqtiyas dari Quran bukan sebagai dalil, merumuskan kata-kata "*baldatun tayyibatun*" untuk negara yang dicita-citakan oleh kaum muslimin, akan tetapi sekali lagi, hanya *ummatun tayyibatun* yang akan betul-betul memperjuangkan terlaksananya "*baldatun tayyibatun*".